

## KHUTBAH JUMAAT

### "KASIH SAYANG: KUNCI RAHMAT ALLAH"

(15 Ogos 2025M/ 21 Safar 1447H)

---

الْحَمْدُ لِلّٰهِ، الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلٰهٌ اللّٰهُ وَحْدَهُ  
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ. وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوتُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيقِ.  
اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تُقَاتَهُ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

#### Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita tergolong dalam kalangan mereka yang memperolehi kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan lebih-lebih lagi di akhirat kelak.

Berikanlah sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Elakkan diri daripada segala tindakan yang boleh menghapuskan pahala Jumaat seperti menggunakan telefon, berbual-bual dan sebagainya. Pada hari Jumaat yang penuh keberkatan ini, khatib akan membicarakan khutbah yang amat penting dalam kehidupan ini bertajuk '**Kasih Sayang: Kunci Rahmat Allah**'.

## **Kaum muslimin yang berbahagia,**

Hari ini mimbar ingin mengajak kita merenung satu sifat agung yang menjadi asas ajaran Islam, iaitu kasih sayang. Kasih sayang bukan sekadar perasaan, tetapi ia adalah amalan yang memandu kita menuju redha Allah *subhanahu wata'ala*.

Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Al-Anbiya', ayat 107:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

**Maksudnya:** *Dan tidaklah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan sebagai rahmat bagi sekalian alam.*

Islam adalah agama rahmat. Rahmat atau kasih sayang itu merangkumi sesama manusia, haiwan, dan alam sekitar. Rasulullah sallallahu alaihi wasallam bersabda yang bermaksud:

"Tidak sempurna iman salah seorang daripada kamu sehingga dia mencintai untuk saudaranya apa yang dia cintai untuk dirinya sendiri."

(Hadis riwayat imam al-Bukhari dan Muslim)

Ini bermakna, kasih sayang adalah tanda keimanan. Tanpanya, iman kita pincang.

## **Para jemaah yang dirahmati Allah sekalian,**

Rasulullah sallallahu alaihi wasalam menunjukkan kasih sayang bukan hanya kepada keluarga atau sahabat, tetapi kepada semua manusia, termasuk musuhnya. Pernah suatu ketika, seorang wanita

Yahudi sering meletakkan sampah di hadapan rumah Baginda. Apabila wanita itu jatuh sakit, Rasulullah *sallallahu alaihi wasalam* menziarahinya, lalu wanita itu akhirnya memeluk Islam kerana terkesan dengan akhlak Baginda.

Kita juga melihat teladan dalam kisah Sayidina Abu Bakar As-Siddiq *radhiallahu anhu*. Setelah diangkat menjadi khalifah, beliau masih meneruskan kebiasaan membantu seorang wanita tua miskin dengan membersihkan rumahnya dan memerah susu kambingnya. Tindakan itu dilakukan secara sembunyi, tanpa mengharapkan balasan. Inilah kasih sayang yang lahir daripada iman yang tulus.

### **Jemaah yang dikasihi sekalian,**

Kasih sayang juga merupakan sifat ahli syurga. Allah *subhanahu wata'ala* menggambarkan mereka sebagai orang yang rendah hati kepada orang beriman iaitu tidak sompong atau merendahkan orang lain. Memaaafkan walau mampu membalas kerana mereka mengutamakan pahala daripada dendam. Bersedekah secara sembunyi dan terang-terangan iaitu memberi kepada yang memerlukan tanpa mengharap pujian. Menjaga hubungan silaturrahim iaitu tidak memutuskan hubungan walaupun diuji. Mengawal lidah iaitu hanya berkata perkara yang baik atau diam.

Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Al-Hijr, ayat 47:

وَنَزَّلْنَا مَا فِي صُدُورِهِمْ مِّنْ غِلٍّ إِخْرَانًا عَلَى سُرُرٍ مُّتَقَابِلَيْنَ.

**Maksudnya:** *Dan Kami cabut segala dendam yang berada di dalam hati mereka; lalu mereka menjadi bersaudara, duduk berhadap-hadapan di atas pelamin.*

### **Sidang Jumaat yang disayangi Allah sekalian,**

Kasih sayang bukan hanya dalam kisah silam, tetapi perlu diamalkan dalam kehidupan kita hari ini. Dalam keluarga, suami isteri saling memahami, ibu bapa melimpahkan kasih kepada anak-anak, dan anak-anak berbakti kepada ibu bapa. Manakala dalam masyarakat, hidup saling menghormati, membantu yang memerlukan, dan mengelakkan kata-kata yang menyakiti hati apatah lagi mengganggu dan mencederakan tubuh badan. Begitu juga dalam pekerjaan. Hendaklah berlaku adil, menghormati rakan sekerja, dan membantu yang lemah.

Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah An-Nur, ayat 22:

وَلِيَغْفُرُوا وَلِيَصْفَحُوا ۖ أَلَا تُحِبُّونَ أَن يَغْفِرَ اللَّهُ لَكُمْ ۚ وَاللَّهُ غَفُورٌ  
رَّحِيمٌ.

**Maksudnya:** *Dan hendaklah mereka memaaafkan dan berlapang dada. Tidakkah kamu suka bahawa Allah mengampuni kamu? Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Kasih sayang bukan kelemahan, bahkan ia adalah kekuatan yang mengikat hati. Ia mampu meruntuhkan tembok kebencian dan menyatukan umat. Tanpanya, masyarakat akan dipenuhi dendam dan permusuhan. Akhirnya, marilah kita mengamalkan kasih

sayang dalam kehidupan sehari-hari, bermula dari rumah, meluas ke masyarakat, agar kita tergolong dalam golongan yang mendapat rahmat Allah di dunia dan akhirat.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil tiga pengajaran penting dan mengamalkannya dalam kehidupan.

**Pertama:** Kasih sayang adalah perintah Allah. Ianya bukan pilihan, tetapi kewajipan yang menjadi tanda iman;

**Kedua:** Kasih sayang membawa keberkatan hidup, menyatukan hati, memudahkan rezeki, dan menjauhkan kita dari permusuhan;

Dan yang **Ketiga:** Kasih sayang meluaskan rahmat Allah. Semakin kita menyayangi makhluk Allah, semakin besar rahmat-Nya kepada kita.

Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Al-A'raf, ayat 56:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .  
إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِنَ الْمُحْسِنِينَ .

**Maksudnya:** Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang berbuat kebaikan.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ

الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## **KHUTBAH JUMAAT KEDUA**

---

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ رَبِّنَا. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Para jemaah yang dikasihi sekalian,**

Di kesempatan ini, mimbar ingin mengambil perhatian jemaah berkaitan Measles (demam campak). Ianya mudah merebak dan berbahaya, khususnya kepada kanak-kanak kecil, kerana boleh menyebabkan komplikasi serius. Imunisasi merupakan langkah pencegahan yang selamat dan berkesan. Bagi mengawal penularan, Kementerian Kesihatan menyediakan vaksin tambahan percuma untuk kanak-kanak berumur 6–59 bulan. Ibu bapa digalakkan segera membawa anak untuk mendapatkan imunisasi tersebut.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis ilmu. Peliharalah solat lima waktu, begitu juga pastikan ahli keluarga kita menunaikannya. Perkuuhkanlah perpaduan dengan saling menghormati dan mengasihi dalam kalangan masyarakat demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian di Sarawak. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik. Daripada Abu Hurairah

*radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( يَأْتِي عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ لَا يُبَالِي الْمَرءُ مَا أَخْذَ مِنْهُ أَمْنًا الْحَلَالِ أَمْ مِنْ الْحَرَامِ ))

**Maksudnya:** Akan datang kepada manusia suatu zaman di mana seseorang tidak peduli apa yang dia ambil, apakah dari hasil yang halal atau yang haram.

(*Hadis riwayat Imam al-Bukhari*)

Selain itu, kita hendaklah bersungguh-sungguh menghindarkan diri dan ahli keluarga daripada terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan perjudian, agar kehidupan kita selamat, bahagia dan sejahtera.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى الْنَّبِيِّ يَأْتِيهَا الْدِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا

مُحَمَّدٌ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ  
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدُّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي  
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keamanan, keselesaan dan kemenangan dalam menghadapi musuh yang sentiasa menganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Wahai Tuhan Yang Maha Pemberi Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan sifat terkeji yang menyeleweng daripada undang-undang negara. Jauhilah kami dan keturunan kami daripada penyalahgunaan dadah. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti, berintegriti serta terbilang demi mencapai negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! pertahankan perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah pada kami nikmat keselamatan, keafiatan, kelapangan dan ketenangan hidup serta hindarilah kami daripada segala musibah, wabak penyakit dan segala perkara yang tidak diingini.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ،  
أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحَسَانُ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ  
الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.